

NEWSPAPER CLIPPING
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

BERITA HARIAN

'Kedudukan PM ditentu Perlembagaan'

Oleh Faiza Zainudin

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak menegaskan, kedudukan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ditentukan oleh Perlembagaan yang menggariskan sistem pemerintahan negara dan tidak boleh disingkir sewenang-wenangnya.

Beliau berkata, tiada mana-mana pihak yang berhak menyuruh Perdana Menteri meletak jawatan kerana sebarang tindakan mesti mengikut bidang kuasa Perlembagaan negara ditetapkan.

Perdana Menteri tidak boleh di-

singkirkan, ia tertakluk kepada Perlembagaan. Apapun yang berlaku, mesti dalam konteks Perlembagaan," tegasnya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Mineral Negara keenam di Bangunan Parlimen, di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai risalah di edarkan di Parlimen semalam mengenai kedudukan Perdana Menteri serta cadangan mewujudkan undang-undang antilompat di kalangan wakil rakyat.

Risalah itu yang disebar oleh pihak tidak bertanggungjawab, antara lain menyatakan bahawa Yang di-Pertuan

Agong tidak mempunyai kuasa meminta Perdana Menteri melepas jawatan mengikut Artikel 43(5).

Turut dinyatakan, sekiranya Perdana Menteri mendapat undi tidak percaya dari Dewan Rakyat, beliau mempunyai dua pilihan, iaitu meletak jawatan atau mengadakan pilihan raya umum yang baru.

Selain kaedah berkenaan, Perdana Menteri juga tidak boleh disingkirkan daripada kedudukannya, walaupun kerajaan yang memerintah gagal memperoleh majoriti dua pertiga.

Artikel itu menyebut, ini bukan kali pertama Barisan Nasional (BN) tidak mendapat sokongan majoriti

undi dua pertiga, kerana pada zaman pemerintahan Perdana Menteri kedua, Turi Abdul Razak Hussein juga gagal meraih majoriti pada Pilihan Raya Umum 1969.

Diminta mengulas mengenai perkara itu, Najib berkata, sebarang tindakan mesti mengikut ketetapan dan lunas Perlembagaan.

" Ditanya mengenai penggunaan Ordinan Darurat 1968 untuk menyingkirkan Perdana Menteri dan mereka yang lompat parti boleh dihalang dari menghadiri persidangan Dewan Rakyat, Najib berkata, beliau tidak tahu menahu mengenai perkara itu.